

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, DI MAJLIS
MAKAN MALAM SEMPENA LAWATAN
KE PAHANG, DI KEDIAMAN MENTERI
BESAR, KUANTAN, PAHANG, PADA
HARI SABTU, 24HB. MEI, 1980
JAM 8.30 MALAM.

Yang Amat Berhormat, Tuan Haji Abdul Rahim Bakar,
Menteri Besar Pahang,

Yang Berhormat, Menteri-Menteri dan Timbalan²
Menteri,

Yang Berhormat, Ahli-ahli Majlis Kerja Kerajaan
Negeri,

Ahli-Ahli Yang Berhormat,

Ketua-Ketua Parti Komponen Barisan Nasional
Negeri Pahang,

Ketua-Ketua Jabatan dan Ketua-Ketua Kaum,

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan syukur kehadiran

ALLAH Subhanahu Wataala, kerana dengan

limpah kurnia dan izinNYA, dapat saya melakukan

amping

kyat

4. Saya merasa ~~amat~~ bangga dengan prestasi dan dayausaha Kerajaan Negeri dalam beberapa tahun ini. Prestasi kewangan yang menunjukkan pencapaian 55.6 peratus daripada peruntukan peruntukan yang telah di-sediakan, boleh di-banggakan. Memandangkan keadaan dan masalah yang di-hadapi oleh Kerajaan Negeri, prestasi yang di-capai oleh negeri Pahang, ^{adalah} ~~amatlah~~ memuaskan. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniat kepada Kerajaan Negeri, di atas usaha-usahanya memesatkan pelaksanaan rancangan dan program pembangunan, terutamanya dalam beberapa tahun ini.

3.

lawatan ke negeri Pahang Darul Makmur. Di samping dapat berkenalan dan beramah-mesra dengan rakyat dan penduduk, dapat juga saya menyaksikan kemajuan yang telah dicapai, serta mengetahui sedikit sebanyak masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat dan Kerajaan.

2. Ini bukanlah kali pertama saya melawat negeri Pahang. Saya telah pergi ke Jengka dan juga beberapa kali datang ke Kuantan. Tetapi dalam rangka lawatan saya kali ini, program yang diatur adalah lebih menyeluruh. Pagi ini, saya

4.

telah diberi taklimat mengenai pembangunan,
dan kemudiannya melawat projek perumahan
di Batu Tiga. Esok, saya akan melawat Bukit Ibam
di Pahang Tenggara, serta melawat Kompleks Kayu
Kayan di Mentiga.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

3. Pahang mempunyai sumber alam semula
jadi yang banyak, yang boleh digunakan untuk
memesat dan mempergiatkan lagi pembangunan,
serta meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi
di negeri ini. Dengan kegigihan dan kesungguhan
pucuk pimpinan negeri, menggunakan sumber-sumber

...5/-

5.

ini dengan jujur, proses kemajuan bagi negeri

ini, dapat dipertingkatkan dan dipercepatkan lagi.

berharap

Saya ~~berkehendakkan~~ semua pihak memahami

hakikat ini, dan mereka mestilah bekerjasama

dengan Kerajaan Negeri.

4. ~~Saya merasa amat bangga dengan prestasi dan dayausaha Kerajaan Negeri dalam beberapa tahun ini. Prestasi kewangan yang menunjukkan pencapaian 55.6 peratus daripada peruntukan-peruntukan yang telah disediakan, boleh dibanggakan. Jika dibanding dengan beberapa buah negeri yang lain di Malaysia, prestasi yang dicapai~~

6.

~~oleh Negeri Pahang, adalah tinggi. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Negeri, di atas usaha-usahanya memesatkan pelaksanaan rancangan dan progrem pembangunan, terutamanya dalam beberapa tahun ini.~~

5. Usaha-usaha memperkemaskan yunit perancangan ekonomi negeri, dengan diketuai oleh seorang pegawai yang berpengalaman dari Bahagian Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, adalah satu langkah yang baik yang boleh memperhebatkan lagi perancangan di negeri ini. Usaha ini, saya diberi tahu, adalah dalam konteks

7.

memperkemarkan keseluruhan jentera Kerajaan. Pelan induk yang sedang disediakan oleh yunit ini, dengan orientasi yang menekankan pembasmian kemiskinan secara menyeluruh, akan dapat memberi faedah yang lebih meluas kepada seluruh rakyat, terutamanya mereka yang kurang bernasib baik.

6. Saya juga bangga dengan pencapaian yang telah dijalankan oleh Kerajaan Negeri Pahang, dalam pelaksanaan rancangan perumahan. Kerajaan telah dapat menyiapkan 86.9 peratus daripada projek-projek perumahan yang dirancangkan

8.

di bawah Rancangan Malaysia Ketiga. Saya difahamkan, dari jumlah 23 ribu yunit yang telah disiapkan oleh agensi-agensi Kerajaan, 95 peratus daripadanya adalah rumah yang berharga kurang daripada \$20,000/- se-yunit. Pencapaian matalamat ini, merupakan satu kejayaan yang besar, dan sejajar dengan semangat manifesto Barisan Nasional. ~~Kerajaan berjiwa rakyat.~~ Saya harap, Kerajaan Negeri akan terus memberi perhatian yang berat, terhadap keperluan perumahan bagi golongan yang berpendapatan rendah.

...9/-

9.

7. Saya juga bangga dengan usaha Kerajaan Negeri, untuk memajukan sektor perindustriannya. Hingga ini, lapan buah kawasan perindustrian seluas 1,416 ekar telah dibuka. Lebih 40 peratus kawasan daripada seluruh perindustrian yang telah dibuka itu, telahpun diambil oleh pengusaha-pengusaha. Penubuhan industri dan kilang di kawasan ini, telah mewujudkan lebih ^{7,000} ~~4,500~~ peluang pekerjaan. Usaha-usaha Kerajaan Negeri untuk meluaskan perkembangan sektor perindustriannya, dengan membuka beberapa kawasan perindustrian yang lain, serta menyediakan kemudahan infrastruktur

...10/-

10.

dan perkhidmatan, adalah satu langkah yang baik yang patut diberi perhatian. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan akan memberi sokongan dan bantuan yang diperlukan oleh Kerajaan Negeri, supaya usahanya hendak menempatkan lebih banyak lagi industri-industri di Negeri Pahang, dapat menarik minat pengusaha-pengusaha. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

8. Keseluruhan usaha pembangunan yang sedang dirancang dan dilaksanakan, tidak akan dapat mencapai matalamat yang diharapkan, jika keadaan politik tidak stabil, dan ancaman kepada

11.

keselamatan tidak dihapuskan. Kestabilan politik memang boleh mempengaruhi keadaan keselamatan. Itulah sebabnya, dalam usaha kita memesat dan mempergiatkan lagi pelaksanaan pembangunan, kita mestilah berusaha bagi menjamin dan mengawal keadaan keselamatan, supaya keamanan dan ketenteraman sentiasa wujud. Dalam hubungan ini, saya merasa sukacita bahawa dengan kesungguhan dan kegigihan Pengarah Gerakan Negeri, dan usaha yang tidak putus-putus Jawatankuasa Keselamatan Negeri, keadaan keselamatan di negeri ⁱⁿⁱ adalah terkawal. Pahang telah dapat membendung ancaman dari

...12/-

pengganas komunis yang cuba menapak semula di negeri ini dari masa ke semasa.

9. Saya mengucapkan tahniah kepada anggota-anggota pasukan keselamatan, di atas kejayaan cemerlang mereka menghapuskan sembilan orang pengganas komunis di kawasan Bentong dalam bulan Mac yang lalu. Saya difahamkan, bahawa 14 orang yang lain telah juga ditangkap dalam gerakan itu. Dalam tahun lalu, seramai 9 orang pengganas komunis telah dihapuskan, dua ditangkap dan 6 orang yang lain menyerah diri.

13.

Kejayaan-kejayaan yang telah dicapai ini, amatlah menggalakkan. Saya menggesa seluruh rakyat, supaya memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Jawatankuasa Keselamatan Negeri dan pasukan keselamatan, dalam gerakan dan tindakan mereka menghapuskan saki-baki pengganas-pengganas komunis di negeri ini.

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

10. Usaha-usaha pembangunan yang besar yang sedang dirancangkan oleh Negeri Pahang, memerlukan, bukan sahaja keyakinan dan penyertaan rakyat, bahkan suatu jentera pentadbiran yang jujur,

...14/-

14.

kemas dan dinamis. Kedua-duanya pula berkehendakkan kepimpinan politik yang dedikasi, jujur dan gigih.

~~Saya berpuashati dengan usaha-usaha yang telah~~ *lebih,*

hendaklah dijalankan bagi ~~mewujudkan~~ *meningkatkan lagi* kestabilan dan keharmonian

politik di negeri Pahang. ~~Walau bagaimanapun,~~

~~pada hemat saya,~~ Semua pihak hendaklah memainkan

peranan yang lebih positif dan aktif, bagi menjamin

kestabilan yang tulen dan berterusan, demi kepen-

tingan kemajuan, serta kepentingan keselamatan

Negeri Pahang. ~~Darul Makmur.~~

11. Saya penuh yakin, dengan sokongan dan

kerjasama semua pihak, Kerajaan yang dipimpin

15.

oleh Tuan Haji Abdul Rahim Bakar, boleh melipat
gandakan usaha-usaha yang jujur dan gigih, untuk
membawa Negeri Pahang ke suatu peringkat yang
boleh menandingi lain-lain negeri yang maju
di Malaysia. Saya menggesa seluruh rakyat
di semua peringkat dan golongan, supaya menunaikan
tanggungjawab mereka masing-masing bagi mencapai
hasrat dan cita-cita murni ini.

12. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan
berbanyak terima kasih serta setinggi-tinggi penghargaan,
kepada semua pihak yang telah sama-sama menjayakan
lawatan saya ini. Saya mendo'akan setiap rakyat
dan penduduk Negeri Pahang, selamat maju-jaya.
Terima kasih.



No Siri	484
No Penerimaan	97/81